

MAJLIS PENYERAHAN SIJIL AIR TRAFFIC CONTROL-APPROVED TRAINING ORGANISATION (ATC-ATO) SEKOLAH KAWALAN TRAFIK UDARA (KTU), INSPRA OLEH PIHAK JABATAN PENERBANGAN AWAM MALAYSIA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2947-majlis-penyerahan-sijil-air-traffic-control-approved-training-organisation-atc-ato-sekolah-kawalan-traffik-udara-ktu-inspra-oleh-pihak-jabatan-penerbangan-awam-malaysia

KUANTAN, 23 Jan 18 - Sekolah Kawalan Trafik Udara telah menerima pengiktirafan daripada pihak Jabatan Penerbangan Awam Malaysia sebagai sebuah Institusi Latihan Kawalan Lalulintas Udara yang bertauliah melalui penyerahan Sijil Air Traffic Control-Approved Training Organisation (ATC-ATO) International Civil Aviation Organisation (ICAO).



Tahun ini merupakan tahun ketiga Sekolah KTU menerima pensijilan ATC-ATO ICAO setelah menerimanya pada kali pertama pada 18 Jan 16. Sekolah KTU merupakan institusi kawalan traffik udara yang pertama didalam organisasi ketenteraan di dunia yang mendapat pengiktirafan seumpama ini.

Bertempat di Dewan Sekolah Bomba dan Menyelamat, majlis penyampaian sijil ini telah disempurnakan oleh Pengarah Inspektorat Traffik Udara Jabatan Penerbangan Awam iaitu Cik Tay Siew Huang dan diserahkan kepada Pengarah Kurikulum MPPLU iaitu YBhg Kol Thamilanthy a/l Periasamy TUDM.